

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/3/2012



Suara Blog

Sampah, kronisme dan Selcat di Selangor

ISU sampah terus membelenggu kerajaan Selangor dan kini ia dikaitkan pula dengan penyelewengan. Manakala peranan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat) pula turut dipersoalkan.

Blog **Papa Gomo** (www.papagomo.com) mendakwa masalah sampah itu berpunca amalan kronisme oleh kerajaan Selangor sehingga membebankan rakyat di negeri ini.

Sebagai contoh, katanya, ada pihak yang rapat dengan pemimpin pakatan pembangkang negeri telah diberikan lima tender pungutan sampah sedangkan mereka tidak mempunyai keupayaan dari segi pengangkutan dan tenaga manusia.

"Inilah bukti jelas bahawa kronisme yang diamalkan BN (Barisan Nasional) memastikan rakyat tidak mendapat kesan serta menyelesaikan masalah dan bukannya seperti kerajaan pakatan Pas, PKR dan DAP yang tamak haloba sampaikan rakyat menjadi mangsa akibat kerakusan mengaut keuntungan," katanya.

Blog **Gerakan Anti PKR** (gerakan-anti-pkr.blogspot.com) pula meletakkan Selangor setanding dengan Napoli yang pernah mendapat jolokan bandar sampah di Itali sehingga memaksa campur tangan Perdana Menteri Itali, pada Mei tahun lalu.

"Hari ini sampah sudah menjadi bahan bujukan protes hampir majoriti rakyat Selangor. Adakah Selangor cuba menyaingi daerah Napoli yang terkenal dengan jolokan bandar sampah terbesar di Itali?" katanya.



Lukman Ismail
lukman@utusan.com.my



Blog itu turut mengaitkan isu sampah dengan penyelewengan oleh kerajaan Selangor.

Blog propembangkang, **Jom Tawan Malaysia** (tawanmalaysia.com) turut membidas kerajaan Selangor kerana gagal menguruskan sampah berbanding kerajaan BN sebelum ini.

Katanya, masalah sampah yang semakin kritikal sekarang boleh mendorong rakyat membuat undi protes dan menyalahkan kerajaan PKR kerana gagal memungut sampah di belakang rumah mereka.

"Tak perlu nak kedekut sangat nak keluar bajet. PRU-13 dah dekat. Hentak saja bajet urus sampah ni kalau telan belanja puluhan juta pun.

"Nak menang pilihan raya kena ada duit. Setakat tabur air liur orang pun naik letih," katanya.

Berhubung isu Selcat, **Selangor Daily** (www.selangordaily.com) membidas jawatankuasa itu yang sebelum ini 'mati' tiba-tiba bingkas bersuara tentang ketelusan, kejujuran dan amanah dalam pentadbiran negeri.

Ia berikutan desakan banyak pihak agar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan terhadap beberapa pemimpin negeri itu yang disyaki



KELEMAHAN Kerajaan Negeri Selangor mengurus perkhidmatan pungutan sampah menimbulkan kemarahan penduduk di negeri tersebut. - GAMBAR HIASAN

terlibat dalam penyelewengan berkaitan isu pasir.

Katanya, ketika Laporan Audit Negara 2010 mendedahkan pelbagai kepercanggan di Selangor, Selcat hanya berdiam diri se-

baliknya apabila Raja Petra Kamaruddin mendedahkan wujudnya kepercanggan dan skandal dalam kerajaan negeri itu, jawatankuasa itu tiba-tiba hidup semula.

"Kewujudan Selcat sendiri amat mera-

gunakan namun pakatan pembangkang tidak peduli tentang hal tersebut. Bagi mereka yang penting ialah menggunakan semua sumber yang ada untuk memastikan pembangkang diberikan persepsi yang baik.

"Pelbagai skandal dan penyelewengan yang rakyat Selangor telah berjaya ditutup dengan baik oleh Selcat sepanjang penubuhannya," katanya.

Blog **Gerakan Timur** (gerakantimur.blogspot.com) pula berkata, penubuhan Selcat adalah untuk mengaburi mata rakyat semata-mata kerana motifnya adalah bersifat politik dan melindungi kroni mereka.

"Selcat bagai mati hidup semula sedangkan isu penyelewengan pasir telah terhenti pendengarannya, sebelum kembali dengan lakonan terbaru Selcat, gara-gara skandal surat yang melibatkan Amiruddin dan Rafizi Ramli. Andai tidak, sampai kiamatlah Selcat tidak bersidang," katanya.

Katanya, Selcat juga tidak layak dibandingkan dengan mahkamah, waima berstatus mahkamah kangaroo kerana ahli-ahli panelnya terdiri daripada ahli politik yang tentunya mempunyai kepentingan dalam pentadbiran kerajaan negeri.

"Seandainya dokumen bukti aktiviti penyamun ini, seperti yang dimiliki oleh Datuk Seri Noh Omar diserahkan kepada bapak penyamun, ia berkemungkinan menjadi sandaran kepada bapak penyamun untuk menjejaki dari mana sumber bukti itu diperolehi, bukannya untuk menyelesaikan masalah," katanya.